


وَذَكِّرْ فَإِنَّ الذِّكْرَ يُتَنَفَّعُ الْمُؤْمِنِينَ

Dan tetap tekunlah engkau memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman.

[Az-Zariyat : 55]



“Bila saya mati, gelaran Dato’ Bentara Setia sudah tiada lagi. Yang tinggal hanya Nik Aziz. Sama ada tun, tin, tan semuanya tidak akan ada lagi. Yang ada hanyalah pahala”

..: 24 Februari 2011 ..

Tazkirah

RAMADHAN

30 Tazkirah Dari Mutiara Kata Al-Marhum Tuan Guru

Dr. Muhamad Faisal Ashaari

Cetakan Pertama 2016
Cetakan Kedua 2017
© Hakcipta Pertubuhan Pendakwah Selangor.

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pertubuhan Pendakwah Selangor.

Diterbitkan di Malaysia oleh
PERTUBUHAN PENDAKWAH SELANGOR
11-8-1A, Blok 11 J, 15/J
Jalan Pahat J 15/J
Seksyen 15, 40200 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: 011-27263774
Emel: dakwahselangor@gmail.com

Rekaletak / *Typesetting*
MUHAMAD FAISAL ASHAARI

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Cataloguing-in-Publication Data

Muhamad Faisal Ashaari, Dr., 1977-

Tazkirah Ramadan: 30 Tazkirah Kesedaran Diri Sepanjang Ramadan
ISBN 978-967-14164-1-9

1. Ramadan
2. Islam -- Customs and practices
3. Muslims -- Conduct of life
- I. Judul
- 297.363

Kandungan

Kandungan	iv
Prakata	vi
Pendahuluan	viii
TAZKIRAH 1	Gembirakah Hati Kita Dengan Ramadhan? 1
TAZKIRAH 2	Serangan Hendap Terhadap Ikhlas 5
TAZKIRAH 3	Bersediakah Kita Dengan Ramadan? 9
TAZKIRAH 4	Sedarkah Kita Dengan Kelebihan Ramadhan? 13
TAZKIRAH 5	Bersahur Jangan sampai Lupa Tahajjud 17
TAZKIRAH 6	Memaknakan Ramadan Dengan Ibadah 21
TAZKIRAH 7	Solat Tarawih Mengantuk, Menonton Drama Celik 25
TAZKIRAH 8	Pernakah Anda Merasai Kemanisan Iman? 29
TAZKIRAH 9	Ramadhan Bulan Ibadah, Bukan Bulan Pesta Makan 33
TAZKIRAH 10	Siapa Yang Mengawal Keinginannya Akan Berjaya 37
TAZKIRAH 11	Amalan Bersedekah Adalah Sikap 41
TAZKIRAH 12	Peluang Mendapat Keampunan Yang Disia-siakan 45
TAZKIRAH 13	Betulkah Kita Berpuasa Kerana Perbelanjaan Dapur Meningkatkan 49
TAZKIRAH 14	Doa Bukan Sebab Susah, Tetapi Tanda Syukur 53
TAZKIRAH 15	Panjangnya Doa Tarawih, Apakah Yang Aku Doakan (siri 1) 57
TAZKIRAH 16	Panjangnya Doa Tarawih, Apakah Yang Aku Doakan (siri 2) 61
TAZKIRAH 17	Nuzul Quran: GPS Sia-sia Kalau Tidak Digunakan 65
TAZKIRAH 18	Kenapa Payah Nak Dengar Tazkirah? 69
TAZKIRAH 19	Menjelang 10 Terakhir Ramadhan 73
TAZKIRAH 20	Langit Tidak Selalunya Cerah 77
TAZKIRAH 21	Iktikaf Mengasingkan Diri Dari Hiruk Pikuk Kehidupan 81

TAZKIRAH 22	Bersihkan Jiwa dan Hati Kita?	85
TAZKIRAH 23	Lailatul Qadar Suatu Teka Teki	89
TAZKIRAH 24	Berjayakah Kita Menjulangi Piala Taqwa pada 1 Syawal?	93
TAZKIRAH 25	Kaitan Zakat Dengan Fitrah	97
TAZKIRAH 26	Munajat Demi Mengemis Cinta Ilahi	101
TAZKIRAH 27	Idilfitri Mu Tunggu, Aku Datang	105
TAZKIRAH 28	Doa Bebas Dari Api Neraka	109
TAZKIRAH 29	Selamat Tinggal Ramadan	113
TAZKIRAH 30	Persiapan Menjelang IdilFitri	117



1 RAMADAN

Gembirakah Hati Kita Dengan Ramadan?

Assalamualaikum Warahmatullah

Dari Anas bin Malik RA, Rasulullah SAW telah bersabda:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Maksudnya: *Ya Allah, berkatilah kami di bulan Rejab dan Sya'ban dan sampaikanlah kami ke bulan Ramadan.* (Riwayat Ahmad, al-Tabrani, Al-Baihaqi)

Ramadan ialah bulan yang sangat dirindukan oleh mereka yang ingin melakukan kebaikan dan dinantikan oleh orang yang beriman. Mereka sentiasa mendoakan seperti mana yang diajar oleh Rasulullah ketika berada pada bulan Rejab lagi. Doa di atas adalah doa yang diulang-ulang oleh Rasulullah apabila mendekati bulan yang mulia ini. Baginda telah mendidik para sahabatnya mengungkapkan doa yang mulia ini bagi mendidik hati dan jiwa mereka agar menyambut Ramadan dengan penuh kerinduan dan kecintaan.

Doa sebelum Ramadan ini merupakan persediaan mental agar kita dapat berhadapan bulan Ramadan dengan penuh penghayatan, kesediaan dan kesedaran. Persediaan ini dilakukan untuk menyediakan hati yang sedia untuk dididik, nafsu yang sedia dilentur dan jiwa yang sedia dibentuk dengan acuan keimanan. Ini membolehkan muhasabah diri dapat dilakukan untuk mengenal pasti nafsu ammarah yang menyelinap di hati yang kotor dan tersembunyi dalam jiwa yang gersang dengan cahaya keimanan. Dengan persediaan mental dan fizikal ini membolehkan kita mencapai ketakwaan yang merupakan objektif penting menerusi ibadah puasa. Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa, sebagaimana diwajibkan ke atas mereka yang dahulu daripada kamu, moga-moga kamu bertaqwa.* (Surah al-Baqarah 2: 183)

Saudara,

Matlamat utama puasa ialah untuk membentuk sifat rohani manusia agar boleh lengkap sebagai seorang manusia yang sempurna. Allah mencipta manusia dengan dua unsur jasmani dan rohani. Kehebatan jasmani manusia apabila manusia melengkapkannya dengan aspek kerohanian. Fizikal yang hebat tidak dianggap sebagai istimewa melainkan kerohanian itu hebat. Inilah yang membezakan manusia dengan binatang kerana binatang tidak dipertanggungjawabkan untuk kerohanian.

Kita perlu sedar bahawa hidup di dunia ini bukan setakat nak hidup sahaja tetapi nak hidup biar sampai ke akhirat. Kita bekerja biar sampai ke akhirat, kita bertani biar sampai ke akhirat bahkan kita berpolitik biar sampai ke akhirat. Macam mana nak sampai ke akhirat, kalau semasa kita buat kerja tak pernah fikir tentang akhirat. Puasa mengingatkan manusia dengan pembangunan jiwa dan tujuan utamanya ialah untuk mencapai keredoan Allah di akhirat nanti. Dengan Ramadan, kita berpeluang untuk meningkatkan rasa ghairan kepada ibadat dan rasa suka kepada akhirat yang merupakan negeri yang kekal abadi.

Persoalannya, adakah kita benar-benar gembira dengan kedatangan Ramadan ini?. Adakah kita benar-benar jujur pada diri kita dan tidak menipu apabila kita menyatakan seronok dengan kedatangan Ramadan?. Adakah kita benar-benar teruja atau buat-buat teruja dengan kehadiran Ramadan?.

Tanda hati itu bersih ialah wujudnya perasaan yang amat gembira dengan kedatangan Ramadan. Perasaan ini bukan dibuat-buat tetapi ia lahir dari lubuk hati yang suci, yang disinari dengan cahaya iman dan taqwa. Ia bukan lahir disebabkan faktor juadah menyelerakan yang bakal menanti, atau disebabkan pasar Ramadan yang menyediakan pelbagai jenis makanan dan ataupun kegembiraan

menyambut hari raya. Tetapi ia lahir dari perasaan yang entah dari mana datangnya perasaan yang membuak-buak di hati kecil lantaran sikap haloba merebut pelbagai tawaran menarik dari Allah SWT. Mulut tersenyum puas, dada terbuka lapang, hati terbuka girang; lantaran membulat tekad dan mengukuhkan semangat untuk mencari Allah SWT.

Saudara,

Orang yang bersedia dengan Ramadan, boleh dikenal pasti menerusi tutur bicaranya. Apa yang sering dibualkan? Sekiranya topik perbualan tidak menyentuh tentang persiapan diri, aktiviti yang meningkatkan keimanan, maka kita sebenarnya masih belum bersedia lagi. Malah ada nada suara yang semacam merungut dan bagaikan kurang senang dengan Ramadan. Hati mereka mungkin tidak berapa gembira kerana kalau gembira mereka akan bersungguh membuat persiapan. Kalau persiapan yang dibuat, hanya untuk melampiaskan nafsu makan sahaja, ia belum lagi mencapai tahap yang sepatutnya. Mungkin yang dibualkan hanya tentang persiapan berbuka puasa, kekalutan jalan raya menjelang maghrib, persediaan hari raya, makanan juadah berbuka puasa dan gelagat manusia di pasar Ramadan dan sebagainya. Alangkah ruginya sekiranya kita termasuk dalam golongan ini.

Allah menjadikan manusia terdiri dari roh dan jasad. Kedua nya sangat berkait rapat dan perlu diseimbangkan bagi mengelak manusia menjadi binatang. Oleh kerana kekuatan seseorang manusia terletak pada kekuatan roh, maka ia perlu membangunkan roh sehingga boleh mencapai tahap Malaikat. Bukan dengan membiarkannya sama dengan tahap binatang. Inilah kelebihan manusia berbanding dengan binatang. Namun, ada manusia yang lebih sesat dari binatang kerana mereka ada akal, tetapi binatang tiada akal. Namun, cabarannya ialah jasad merupakan perkara yang dapat dilihat oleh mata kasar, manakala roh pula tidak dapat dilihat. Allah menjadikan puasa sebagai satu medan kepada manusia untuk membangunkan roh mereka agar manusia tunduk pada perintahNya.

Saudara,

Gembira ini adalah soal hati. Ia bukanlah sesuatu yang boleh dibuat-


buat tetapi ia lahir dari benak hati yang tulus ikhlas sehingga melahirkan istiqamah. Kita mungkin boleh untuk bermuka-muka melakukan sesuatu amalan yang pada hakikatnya kita tidak gembira. Namun, ia hanya mampu bertahan sekejap sahaja kerana amalan itu tidak menjiwai dirinya. Sekiranya dipaksa juga, jiwanya akan memberontak kerana jiwa tidak memperoleh apa-apa pulangan dalam bentuk material.

Kegembiraan itu bukan kerana mendapat keuntungan material, kerana puasa tidak memberikan keuntungan pada nafsu. Walau bagaimanapun, bagi hati yang telah terdidik dengan susah dan payah dalam melakukan perkara yang baik, maka dia akan gembira dengan Ramadan. Sebaliknya, bagi hati yang liar dan terdidik dalam suasana kelalaian, maka ia sukar untuk bergembira dengan puasa. Letih dan lelah dalam berpuasa hanya dibalas dengan pahala yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Oleh sebab itu, biarpun fizikalnya kelihatan sasa, jasadnya kelihatan kuat, tubuhnya kelihatan *tough*, tetapi mungkin sahaja tidak mampu mengalahkan ujian puasa dan ujian tarawih. Rupa-rupanya, tubuh yang sasa itu hanya pada fizikalnya sahaja kerana spiritualnya rapuh bagaikan ranting yang mudah dipatahkan.

Marilah sama-sama kita mengambil kesempatan dalam bulan yang mulia ini untuk membersihkan hati agar ia menjadi kuat dan tabah dalam berhadapan dengan godaan Syaitan dan bisikan nafsu.

MUTIARA KATA AL-MARHUM TUAN GURU

“Ambil wudhuk tidak perlu banyak, tetapi biar sempurna. Ini kerana basuhan dengan air itu hanyalah simbolik. Yang hendak dibasuh bukanlah najis yang ada di wajah dan anggota kita, tetapi kotoran dosa yang dibawa oleh mata, mulut, telinga, tangan dan kaki”





2 RAMADAN

Serangan Hendap Terhadap Ikhlas

Assalamualaikum Warahmatullah

Dari Hafsa binti Umar RA. Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ لَمْ يَجْمَعْ الصَّيَّامَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلَا صِيَّامَ لَهُ

Maksudnya: *Sesiapa yang tidak berniat puasa sebelum terbit fajar, maka tidak ada puasa baginya.* (Riwayat Abu Daud)

Niat merupakan permulaan yang penting bagi sesuatu ibadat. Ia bukan sekadar lafaz di mulut tetapi ia merupakan keazaman yang terpendam dan tersemat indah di dalam hati sanubari manusia untuk melakukan sesuatu pekerjaan. Ia dapat membezakan antara ibadat dan adat kerana mungkin ada manusia yang turut berlapar dari dini hari hingga waktu malam, tetapi sekiranya tanpa disertakan dengan niat, perbuatannya itu tidak membawa apa-apa erti di sisi Allah SWT.

Saudara,

Kita hendaklah beramal sehingga melahirkan ikhlas, bukan tunggu ikhlas baru nak beramal. Ikhlas adalah persoalan dalaman manusia yang dilakukan sehingga menjadi amalan sehati dalam kehidupan kita. Apabila ia telah menjadi sehati, maka tidak timbul melakukan sesuatu perkara itu kerana orang lain. Sama ada orang lain ada atau tidak, ia istiqamah melakukannya. Allah menghargai amalan orang yang ikhlas kerana melakukan sesuatu amalan itu bulat kerana Allah.

Ikhlas bukan suatu perkara yang mudah seperti disangka. Ia selalu diserang hendap oleh nafsu manusia yang ingin dipuji, dipandang hebat dan dimuliakan yang secara tidak sedar kita tertipu dengan amalan yang dilakukan. Justeru, niat bukan sekadar menyebutnya di awal melakukan amalan, tetapi ia perlu sentiasa hadir di dalam hati bahawa amalan itu dilakukan “kerana Allah”, bukan kerana

makhluk yang lain.

Mungkin di peringkat awal kita menyebut bahawa amalan itu “kerana Allah” tetapi ketika menjalani ibadah berkenaan, kita mungkin hanyut dalam lamunan perasaan yang menganggap bahawa kitalah yang paling hebat puasanya tanpa menyedari bahawa kita sedang diserang hendap oleh syaitan dan hawa nafsu. Akhirnya amalan yang kita lakukan itu menjadi abu yang bertaburan di udara malahan ia dihampukkan kembali ke muka si hamba lantaran amalan itu bukan semata-mata kerana Allah, tetapi dikongsi dengan makhluk yang lain. Oleh itu, ia merupakan perkara yang rumit kerana ia terletak di dalam hati. Orang lain hanya dapat melihat aspek luaran sahaja dan tidak dapat mengetahui perihal hati seseorang. Oleh kerana rumitnya soal hati, maka syaitan dan nafsu sering menyusup di dalam hati dan berjaya mempengaruhinya sehingga tidak lagi melaksanakan ibadat semata-mata kerana Allah.

Maka, kita perlu minta lindung dengan Allah dari bisikan syaitan dan dari lamunan hati kerana kita sebagai anak Adam tidak sebegitu kuat untuk berhadapan dengan serangan syaitan dan nafsu. Nabi Adam, bapa kepada manusia pun tewas, anak Adam perlu lebih berhati-hati dan minta perlindungan dari Allah.

Niat dan ikhlas merupakan dua perkara yang saling berkait rapat kerana keduanya berpunca dari hati yang hanya diketahui oleh diri sendiri dan Allah SWT.

Saudara,

Puasa bukan cuma sekadar menyatakan lafaz, dan menahan diri daripada makan dan minum, tetapi ia merupakan penghayatan yang lahir dari keazaman yang kukuh untuk membentuk hati dan perasaan bagi mencapai tahap taqwa kepada Allah. Ia bukan sekadar di mulut, tetapi ia terletak di hati sanubari manusia, hasil dari kefahaman tentang Ramadan sebagai bulan tarbiyyah. Ia adalah bulan yang perlu dilalui dengan hati yang suci dan tunduk patuh kepada Allah. Jika sekadar membaca niat puasa tetapi pada keesokan harinya hanya menahan diri dari makan dan minum sahaja, kanak-kanak darjah satu juga mampu melakukannya. Kita

tidak mahu susah payah ibadah puasa yang dilakukan menjadi sia-sia sebagaimana yang telah diperingatkan oleh Rasulullah:

كَمْ مِنْ صَائِمٍ خَظَّهُ مِنْ صَوْمِهِ الْجُوعُ وَالْعَطَشُ

Maksudnya: *Betapa ramai orang yang berpuasa, tetapi tidak mendapat ganjaran dari puasanya melainkan lapar dan dahaga.* (al-Nasaei)

Kesungguhan melakukan amalan dalam bulan Ramadan merupakan sebuah persiapan untuk bertemu dengan Allah. Ia memerlukan kesungguhan kerana Allah telah memberikan temujanji selama sebulan untuk manusia berbakti kepadaNya. Jika kita ingin membuat pertemuan dengan seseorang yang mempunyai pangkat, ia bukan kerja yang mudah. Pertamanya mungkin kerana kerja yang banyak dan kedua ialah ego. Jikapun kita berpeluang untuk berjumpa, ada had masa dan perkara-perkara yang dilarang untuk diberitahu. Namun bertemu dengan Allah SWT yang Maha Besar, Maha Hebat amat mudah. Tanpa syarat, tanpa had masa, siang dan malam kita boleh berbicara denganNya. Bulan Ramadan, ialah bulan untuk kita bertemu dengan Allah dan berbicara denganNya secara serius.

Saudara,

Sebenarnya, niat melakukan ibadat puasa tidak susah. Niat adalah kehendak dan keazaman yang tersemat di dalam hati dan disertakan dengan amalan. Ia tidak semestinya dalam bahasa Arab tetapi apa yang di dalam hati. Cukup sekadar membayangkan dalam fikiran untuk berpuasa esok hari, sebelum dari masuk waktu fajar. Walau bagaimanapun, para ulama telah membuat suatu lafaz yang boleh dijadikan panduan untuk berpuasa seperti berikut:

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ أَدَاءِ فَرْضِ رَمَضَانَ هَذِهِ السَّنَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

“Aku berniat berpuasa esok hari, menunaikan fardu Ramadan pada tahun ini, kerana Allah Taala”

Selain itu, sahur merupakan salah satu cara untuk memperkuat lagi niat puasa. Bahkan, mengikut ulama’ dalam mazhab Syafie,

sekiranya seseorang itu bangun sebelum subuh untuk bersahur, ia dikira sebagai niat untuk berpuasa. Tidak kira hanya minum seteguk atau sebiji kurma, ia tetap dinamakan sebagai sahur untuk berpuasa pada keesokan harinya.


Saudara,

Berniat tidak susah tetapi mencapai ikhlas itulah yang mencabar. Marilah sama-sama kita menginsafi kisah para sahabat yang telah mati di medan peperangan, namun Rasulullah menyatakan bahawa dia tidak mati syahid kerana dia berperang bukan bulat tekadnya untuk mencapai keredaan Allah. Dia sanggup untuk menggadaikan nyawanya semata-mata untuk dianggap sebagai seorang pahlawan yang hebat. Tidakkah itu hasil dari bisikan syaitan dan keinginan nafsu yang sentiasa memperdaya manusia? Kerjanya begitu halus dan sungguh licik sekali.

Ringkasnya, niat dan ikhlas perlu sentiasa dijaga kerana ia sentiasa terdedah dengan serang hendap. Tanpa niat yang betul dan ikhlas, puasa kita mungkin sah pada mata manusia, tetapi dikhuatiri tidak diterima di sisi Allah. Jadi marilah sama-sama kita dan memperteguh niat kita agar puasa kita hanyalah kerana Allah.

MUTIARA KATA AL-MARHUM TUAN GURU

“Jangan pernah bosan untuk berbuat baik meskipun tidak sempurna di mata manusia, asalkan dilakukan dengan ikhlas keranaNYA ...”





3 RAMADAN

Bersediakah Kita Dengan Ramadan?

Assalamualaikum Warahmatullah

Dari Abu Hurairah RA. Rasulullah SAW bersabda:

قَدْ جَاءَكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مَبَارَكٌ افْتَرَضَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ تَفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ
وَيُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ

Maksudnya: *Telah datang kepada kalian bulan Ramadan, bulan yang penuh keberkatan, Allah telah mewajibkan kepada kalian untuk berpuasa, pada bulan itu Allah membuka segala pintu-pintu syurga dan menutup pintu-pintu neraka.* (Riwayat Ahmad)

Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan. Berkat bermaksud bertambah-tambah kebajikan dan pahala. Biarpun melakukan amalan yang sedikit tetapi Allah menjanjikan gandaan pahala yang cukup besar. Cuma adakah kita cukup bersedia merebut semua ganjaran yang diberikan itu? Ya bergantung kepada persediaan kita dalam menghadapi bulan yang berkat ini.

Terdapat sekurang-kurangnya empat persiapan penting untuk menyambut bulan Ramadan:

Pertama: Sentiasa berdoa kepada Allah SWT agar diberikan kesempatan kepada kita untuk bertemu dengan bulan Ramadan ini dalam keadaan sihat sejahtera. Apabila tubuh badan kita berada dalam keadaan sihat, kita dapat melaksanakan semua ibadah dengan sempurna; puasa, solat tarawih, tilawah dan sebagainya.

Kedua; Timbulkan rasa ghairah dan bergembira dengan kedatangan bulan Ramadan. Wujudkan suasana yang ceria di dalam rumah untuk menghadapi Ramadan seperti melekatkan poster-poster galakan ibadah dan kelebihan Ramadan di dinding dan pintu, membeli CD al-Quran yang baru, memasang CD al-Quran dan membuat halaqah al-Quran sebagainya.

Ketiga: Rancang kegiatan yang memberikan manfaat sebesar mungkin dari bulan Ramadan. Ini kerana Ramadan amat singkat iaitu hanya sebulan sahaja maka penuhi setiap detiknya dengan amalan yang berharga yang dapat membersihkan diri dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Seterusnya sambut Ramadan dengan tekad meninggalkan dosa dan tabiat buruk seperti perbuatan mengumpat, mengadu, berbohong dan memfitnah.

Keempat: Persiapan hati dan jiwa. Persiapan ini yang akan mengatasi persiapan yang lain kerana hati dan jiwa yang bersih akan melahirkan jiwa yang benar-benar insaf dan mampu membuat perubahan. Koreksi diri, kenal pasti kelemahan diri sendiri, timbulkan perasaan untuk memperbaiki diri sepanjang Ramadan. Maka, Ramadan ini akan menghasilkan buah keimanan yang akan disambut dalam bulan Syawal nanti.

Kadangkala bermacam-macam persiapan yang dilakukan ketika menyambut kedatangan Ramadan, tetapi ia hanyalah persiapan adat dan budaya yang disambut setiap tahun. Ada yang bersedia menyambut Ramadan dengan amalan moreh, makan nasi bubur lambuk, makanan yang hanya ada pada bulan Ramadan. Persediaan diri untuk menghayati kewajipan agama yang lain seperti solat, sedekah, membaca al-Quran tidak pernah terlintas di dalam hati.

Saudara,

Memasuki bulan Ramadan tanpa persediaan keimanan dalam jiwa bagaikan puasa kanak-kanak, yang hanya berniat dan menahan lapar dan dahaga. Mereka gembira mendapat makanan ketika berbuka dan selepas itu bermain. Ia sangat rugi kerana tidak diisi perkara yang mendatangkan kebaikan kerana puasa Ramadan adalah bulan di mana ganjaran pahala digandakan.

Ada juga keadaan yang kanak-kanak itu lebih baik amalannya dari orang dewasa. Mereka komited melakukan solat tarawih berbanding dengan segelintir orang dewasa yang selalu culas. Kalau tidak malu dengan Allah, malu lah dengan kanak-kanak yang baru berumur 7 tahun sedangkan dia sudah 27 tahun, atau 37 tahun, atau 47 tahun, tetapi liat untuk beribadah kepada Allah.

Allah memberikan kepada kita Ramadan yang penuh dengan kelebihan untuk manusia merebutnya. Kita sedia maklum bahawa manusia mempunyai masa sangat singkat di dunia ini untuk membuat persiapan. Meskipun kehidupan di Dunia ini diibaratkan singgah sebentar sekadar berteduh di bawah pohon, namun ia amat bererti bagi seorang Musafir yang berjalan jauh ketika hari panas. Mereka pasti mengambil peluang untuk berehat serta makan minum untuk memulihkan tenaga fizikal dan dapat juga melakukan Amal Ibadah untuk kekuatan dan bekalan Rohaniahnya. Demikian hakikat Dunia yang disebut sebagai “*Al-Dunya Darul Amal, Wal Akhiratu Darul Jaza*” Dunia merupakan gelanggang melakukan amal dalam segala gerak kerja, sementara akhirat itu adalah negara untuk menerima pembalasan. Jika di dunia yang singkat waktunya ini terlalai dengan kenikmatan yang bersifat sementara, dibimbangi bahawa penyesalan akan menunggu di akhirat....

Saudara,

Dalam bulan Ramadan, seorang Muslim dilatih mengawal diri daripada berlebih-lebihan dalam pelbagai bidang, terutamanya daripada keinginan memuaskan syahwat (di siang hari). Apa yang penting buat masa ini ialah membuat persediaan yang sesuai agar kita akan dapat mendidik diri dengan cara yang terbaik dan akan menjulang piala taqwa di akhir bulan Ramadan nanti.

Rebutlah peluang yang Allah berikan kepada kita semua untuk melaksanakan segala apa yang disediakan dalam bulan Ramadan seperti berpuasa selama sebulan, solat sunat tarawih, Qiyamullail, malam Lailatul Qadar dan sebagainya. Kita janganlah melepaskan peluang ini kerana bagi sesiapa yang terlepas peluang ini akan mengalami kerugian yang amat besar dan belum tentu lagi kita dapat bersama pada Ramadan akan datang.


Bersediakah kita menyambut Ramadan? Adakah kita antara golongan yang menunggu-nunggu kehadiran bulan Ramadan? Ataupun kehadiran bulan Ramadan kali ini dianggap biasa-biasa sahaja sama seperti bulan-bulan yang lain. Selama setahun tidak berlapar, bersediakah kita untuk berlapar kembali?. Setelah setahun jarang-jarang sekali membaca al-Quran dan Qiam, mampukah kita melakukannya pada bulan ini?. Setelah setahun jarang-jarang sekali

bangun mendirikan Qiamullail, mampukah kita melakukannya pada bulan ini?.

Sesungguhnya Ramadan bulan yang mulia, yang diturunkan di dalamnya al-Quran. Di dalamnya terdapat pelbagai kelebihan yang harus dikejar oleh setiap umat Islam bagi mempertingkatkan kualiti keimanan dan ketaqwaan. Rebutlah peluang selagi mana peluang hidup masih ada. Jangan sia-siakan peluang keemasan ini dan jangan pula membiarkannya berlalu tanpa dimanfaatkan, kelak ia akan membawa kerugian kepada kita.

MUTIARA KATA AL-MARHUM TUAN GURU

“Umur adalah pinjaman daripada Allah SWT, suatu masa nanti ia akan ditanya oleh Allah. Lakukanlah yang terbaik untuk masa depan kita di akhirat dengan bekalan yang ada...”



PROMOSI

 Buku TAZKIRAH RAMADAN

 30 teks TAZKIRAH RAMADAN edisi baharu

!! INSPIRASI dari kata-kata al-Marhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz

 BONUS - 30 Mutiara Kata al-Marhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz

Emmm :)

- 🔪1- Anda ingin menghadapi Ramadan dengan cara yang terbaik?
- 🔪2- Anda ingin mengingatkan diri sendiri dan keluarga tentang amalan terbaik dan kelebihan bulan Ramadan?
- 🔪3- Anda ingin memberi tazkirah selepas solat fardu, tetapi tiada teks?
- 🔪4- Anda ingin menyampaikan tazkirah, tapi tiada idea?
- 🔪5- Masjid dan surau memerlukan pengisian tazkirah?

👉 Buku ini sedia membantu. Buku ini diolah dalam bentuk tazkirah yg sedia untuk dibaca utk umum.

Harga RM15 senaskhah

☎ Hasma (0192604080)

JANGAN LEPASKAN PELUANG, MUDAHAN RAMADAN INI
ADALAH RAMADAN YANG TERBAIK

!!Penghantaran Pos - RM20 senaskhah

Bayaran ke Maybank 562834051019 (Muhamad Faisal)

☎ Sila nyatakan nama dan alamat ke (0192604080 - Hasma)